

B B891 AAB

NAM PM SELATAN

DARIPADA MUSA SCULLY

HARARE, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN PENUBUHAN SURUHANJAYA BEBAS SELATAN MENGENAI ISU PEMBANGUNAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PEMIMPIN AFRIKA DR JULIUS NYERERE.

PERDANA MENTERI YANG MENJADI PENERUSI JAWATANKUASA PEMANDU MENYERU NEGARA-NEGARA SELATAN MEMBERI SOKONGAN MASING-MASING KEPADA DR NYERERE DAN SURUHANJAYA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBUAT PENGUMUMAN ITU KETIKA BERUCAP PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI SINI.

NYERERE, PRESIDEN TANZANIA SELAMA DUA DEKAD YANG LEBIH DIKENALI DI AFRIKA SEBAGAI MUNSUYI MERUPAKAN SALAH SEORANG DARIPADA SEGELINTIR PEMIMPIN AFRIKA YANG MELETAKKAN JAWATAN KERANA HENDAK MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA KERJA-KERJA PARTI.

BELIAU MENJADI PRESIDEN PARTI CHAMA CHA MAPUNDIZI DI TANZANIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN PENGHARGAAN KEPADA PENERUSI NAM IAITU PERDANA MENTERI ROBERT MUGABE DARI ZIMBABWE, PRESIDEN ZAMBIA KENNETH KAUNDA DAN PERDANA MENTERI INDIA RAJIV GHANDHI DAN BANYAK LAGI PEMIMPIN BARISAN DEPAN NAM YANG MENCETUSKAN PEMIKIRAN MENGENAI SURUHANJAYA ITU.

SURUHANJAYA AKAN MENGAJAI DAN MENCADANGKAN PENYELESAIAN KEPADA MASALAH EKONOMI DAN KEWANGAN YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN. -- LAGI.

1921MST 03 09 86

NAM PM SELATAN 2 HARARE

KETIKA MENGUSAHAKAN LANGKAH-LANGKAH KONKRIT BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN, SURUHANJAYA ITU PATUT DAN MUNGKIN MELENGKAPI USAHA KERJASAMA YANG DIJALANKAN DI DALAM DAN DI LUAR RANGKA KERJA NAM DAN G-77.

+YANG BERBEZA IALAH IA TIDAK MEMPUYAI KAITAN DAN TIDAK TERTAKLUK KEPADA MANA-MANA KERAJAAN, ORGANISASI SWASTA ATAUPUN INSTITUSI ANTARABANGSA. SETIAP ANGGOTANYA AKAN BERKHIDMAT SELAKU PERIBADI MADING-MADING,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA SELATAN TELAH BERUSAHA HENDAK BERDIALOG DENGAN NEGARA UTARA DENGAN HASRAT HENDAK MEWUJUDKAN PERATURAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA TETAPI GAGAL MENCAPI KEMAJUAN.

SEBAB ITULAH MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH KEPADA PERSIDANGAN KEDUA NEGARA-NEGARA SELATAN PADA BULAN MEI YANG DEDIDIKASIKAN KEPADA PERJUANGAN SELATAN SERTA HENDAK MENCAPI PENYELESAIAN KEPADA MASALAH YANG MENDEPANI NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

BELIAU BERKATA TIDAKLAH BENAR KALAU DIKATAKAN BAHAWA DUNIA SELURUHNYA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI KERANA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN SAHAJA YANG MENGHADAPINYA KERANA MADING-MADING BERGANTUNG KEPADA EKSPORT BARANGAN YANG MENGHADAPI KEMELESETAN.

+KEADAAN NEGARA-NEGARA KAYA BERTAMBAH BAIK SEKARANG. MEREKA BUKAN SAHAJAJEMJUAL BARANGAN SIAP MADING-MADING DENGAN HARGA YANG TINGGI TETAPI PADA TAHUN 1985, MEREKA TELAH MENYIMPAN KIRA-KIRA A\$100 BILION DISEBABKAN OLEH KEJATUHAN HARGA KOMODITI. -- LAGI.  
1924MST 03 09 86

D711

B 8893 AAB

NAM PM SELATAN 3 HARARE

NEGARA-NEGARA MISKIN JUGA TERPAKSA BERHADAPAN DENGAN NAIK TURUNNYA KADAR PERTUKARAN WANG.

+APABILA NEGARA-NEGARA EROPAH DAN AMERIKA UTARA MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENAIKKAN NILAI YEN DALAM USAHA HENDAK MENGIMBANGI PERDAGANGAN MEREKA, MAKA BEBANAN HUTANG MALAYSIA MENINGKAT SEBANYAK 50 PERATUS DARIPADA PENILAIAN SEMULA NILAI YEN.

KETIKA BERCAKAP MENGENAI PERDAGANGAN, BELIAU BERKATA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PERDAGANGAN BEBAS TERIKAT KEPADA QUOTA, SEKATAN, DUTI TINDAK-BALAS, HALANGAN BUKAN TARIF DAN YANG LAIN-LAIN LAGI YANG BENAR-BENAR MENJEJASI NEGARA-NEGARA SELATAN.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA SELATAN YANG MISKIN BERPECAH-PECAH DAN TIDAK MAMPU BERGANTUNG KEPADA PASARAN DALAM NEGERI YANG KECIL JUMLAH DAN KERANA ITULAH, +KITA TERPAKSA BERSERAH KEPADA NASIB SEMATA-MATA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN MENJADI BERTAMBAH BURUK LAGI APABILA NEGARA-NEGARA PENGELUAR MENDAPAT HASIL TIDAK SAMPAI SEPARUH BARANGAN KILANG YANG DIDAPATI PADA TAHUN 1960 DARIPADA JUMLAH HASIL EKSPORT KOMODITI YANG SAMA.

+KEADAAN YANG LEBIH BURUK AKAN TIBA NANTI APABILA TEKNOLOGI BARU AKAN MENGHAPUSKAN KEPERLUAN BAGI MENDAPATKAN SEBEGITU BANYAK BAHAN MENTAH ATAUPUN MENGURANGI JUMLAH YANG DIKEHENDAKI.

+GENTIAN KACA TELAH MENGGANTIKAN TEMBAGA, SEMENTARA KERTAS, GELAS, PLASTIK DAN ALUMINIUM TELAH MENGGANTIKAN BIJIH SEBAGAI KERTAS PEMBUNGKUS,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1931MST 03 09 86